

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Segmen Nasional)

Tarikh : Rabu, 19 Februari 2014

Mukasurat : 17

BH

19 FEBRUARI 2014 © RABU

mj 17 (Segmen Nasional)

1,001 Cuti-Cuti 1Malaysia

» *Tourism Malaysia lancar risalah memudahkan pelancong pilih destinasi*

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tourism Malaysia semalam melancarkan risalah 'Pakej Pelancongan 1,001 Cuti-Cuti 1Malaysia' (CC1M) sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 (TMM2014) bagi mempromosi pelbagai tempat menarik di seluruh negara.

Antara lain, risalah itu menawarkan maklumat mengenai lokasi inap desa, pelancongan makanan, agropelancongan, ekopelancongan, kembara bermotosikal, bulan madu, seni kontemporari, bina pasukan, pelancongan mewah, pelancongan berbasikal dan pakej untuk pelajar.



Azizan (empat dari kanan) menunjukkan buku panduan Tahun Melawat Malaysia 2014 ketika melancarkan risalah CC1M di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO NIK HARIEF HASSAN/BH]

Risalah berkenaan disediakan Tourism Malaysia dengan kerjasama 297 agensi pelancongan di negara ini.

1,030 pakej pelancongan

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata sebanyak 1,030 pakej pelancongan dihasilkan mengikut negeri dan segmen, sekali gus memudahkan pelancong memilih destinasi percutian ber-

dasarkan minat.

Sasar 28 juta pelancong

"Pakej dalam risalah ini boleh didapati dengan melayari laman web Tourism Malaysia dan ia juga percumadi pejabat Tourism Malaysia negeri dan Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh negara, selain pameran pelancongan domestik yang disertai Tourism Malaysia.

"Kita harap negara dapat

mencapai sasaran 28 juta ketibaan pelancong dengan anggaran pendapatan RM76 bilion sempena TMM2014," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Azizan Noordin, yang mewakili menteri pada majlis pelancaran Pakej Pelancongan 1,001 CC1M di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC) di sini, semalam.